

TARIKH	19 9 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	Negara

8,000 jemaah tiba di Madinah, Mekah

MEKAH - Setakat ini lebih 8,000 jemaah haji Malaysia menerusi 25 penerbangan telah berada di Madinah dan Mekah, kata Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

Menurut beliau, jemaah haji yang sampai awal di Madinah kini memasuki Mekah secara berperingkat dan mulai 22 September ini, penerbangan jemaah haji Malaysia akan terus ke Mekah.

Katanya, mulai tahun ini juga, semua jemaah haji ke Madinah diterbangkan terus tanpa perlu mendarat di Jeddah berbanding sebelum ini.

"Menerusi penerbangan terus Malaysia-Madinah, kita telah mengatasi masalah kepenatan jemaah yang sebelum ini terpaksa melalui perjalanan darat selama lapan jam dari Lapangan Terbang Jeddah," kata beliau.

Sebanyak 22,320 umat Islam dari Malaysia akan menunaikan fardu haji untuk musim ini dan jumlah itu berkurangan sebanyak 20 peratus berbanding sebelumnya ekoran pengurangan kuota oleh kerajaan Arab Saudi.

Beliau berkata, bagi mempertingkatkan keselamatan dan kebajikan para jemaah, kerajaan Arab Saudi menerusi Muassasah Asia Tenggara akan memantau pergerakan jemaah haji di kawasan Arafah dan Mina menerusi televisyen litar tertutup (CCTV) mulai musim haji ini.

Katanya, pemasangan CCTV itu langkah pembaharuan yang dilakukan Muassasah Asia Tenggara bagi meningkatkan perkhidmatan dan penguasaan haji di kawasan itu. - Bernama